

**PERTANYAAN-PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS 2016**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI
ABD RAHMAN
(TANJONG MANIS)**

NO. SOALAN : 162

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kementerian dapat memperuntukkan dana tambahan membina baharu jalan-jalan perhubungan desa di sebelah barat Pulau Bruit, dari Kampung Salah Kecil ke Kampung Tekajong (Fasa ke 2), Kampung Sedik ke Kampung Sebako dan dari terminal feri Sungai Nai ke Kampung Penuai Baru yang terputus hubungan terutamanya pada musim tengkujuh.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa kini Kementerian tiada peruntukan tambahan untuk membina baharu Jalan Perhubungan Desa (JPD) di sebelah barat Pulau Bruit, dari Kampung Salah Kecil ke Kampung Tekajong (Fasa ke-2), Kampung Sedik ke Kampung Sebako dan dari terminal feri Sungai Nai ke Kampung Penuai Baru.